




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **106 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **55,400 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan iaitu di daerah Tawau. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 62 menjadikan jumlah kumulatif 54,359 orang. Seramai 566 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 253 orang di hospital dan 313 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 39 orang dan 13 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tuaran dan Sandakan berubah dari zon kuning ke zon jingga.
 Manakala Kinabatangan bertukar dari zon merah ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah lima (5) daerah
- Zon Jingga enam (6) daerah
- Zon Kuning sembilan (9) daerah
- Zon Hijau tujuh (7) daerah

5 **Tiada kluster baharu** direkodkan hari ini.

6 Daripada 106 kes positif COVID-19, sebanyak 49 kes (46.2%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 25 kes (23.6%) saringan bergejala, 31 kes (29.3%) dari kluster sedia ada serta satu (1) kes (0.9%) dari lain-lain kategori.

- 7 Jumlah kapasiti katil 3,771 unit
- Hospital 541 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,810 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Peratus penggunaan katil 15.01%.

B STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini, seramai **1,640** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **46,678** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **2,986** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **37,425** orang.
- 3 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **6,230** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **385,423** (mysejahtera 359,955 : laman web 25,270 : talian vaksinasi 198) bersamaan 13.1%.

C BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sejumlah **297,389** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 40 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 15,006 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 288 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 74 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dan kompaun dibuat.

- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 91 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 45 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada kompaun dan dua (2) tangkapan dibuat iaitu satu (1) kes di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002 serta satu (1) kes di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1960.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 377 lokasi melibatkan seramai 202 anggota APM.
- 4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukrelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 112 anggota di 101 lokasi.
- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu Sook, Kinabatangan dan Sandakan.
- 6 Sejumlah 54 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 12 daerah pada hari ini.
- 7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 30 hebahan di seluruh sabah.

E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **97%**.
Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|-----|---------------|---------|
| 1 | Semporna | 98% |
| 2 | Sipitang | 98% |
| 3 | Tenom | 98% |
| 4 | Kota Marudu | 98% |
| 5 | Beluran | 98% |
| 6 | Papar | 97% |
| 7 | Beaufort | 97% |
| 8 | Penampang | 97% |
| 9 | Kudat | 97% |
| 10 | Tuaran | 97% |
| 11 | Ranau | 97% |
| 12 | Kunak | 97% |
| 13 | Lahad Datu | 96.5% |
| 14 | Sandakan | 96.5% |
| 15 | Kinabatangan | 96% |
| 16 | Kota Kinabalu | 96% |
| 17 | Kota Belud | 96% |
| 18 | Keningau | 96% |
| 19 | Tawau | 96% |

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

08 APRIL 2021